

Halaman Persuratan

# BAHASA MELAYU

-----\*-----\*-----

(oleh Musyfa')

Menyambungi makalah saya bertajuk "Bahasa Melayu" di dalam majalah "Qalam" – sebuah majalah baharu yang seperti sekuntum bunga yang baharu kembang di taman bacaan di Malaya ini dengan keluarnya bilangan yang kedua maka mengambillah saya peluang yang diberi dengan ikhlas oleh Tuan Penerbit majalah ini, pada membincangkan lagi perihal Bahasa Melayu kita di Semenanjung ini, walaupun agaknya apa yang telah saya rencanakan di dalam keluaran yang dahulu itu dan yang saya sebutkan di bawah ini sepertilah saya menanam pohon kenduduk di tengah rimba persuratan di alam Malaya ini.

Sesungguhnya tiadalah saya menulis ini melainkan kerana kasih kepada bangsa saya Melayu, bahasa kita Melayu dan tanah air kita Melayu.

Di dalam keluaran yang lepas itu saya telah berkata yang bahasa kita Melayu tiada bernahu seperti bahasa-bahasa asing tetapi suka saya menerangkan di sini menurut pengetahuan saya yang tohor, bahasa-bahasa lain serata alam ini pun pada mula-mulanya yang tiada dapat ditentukan berapa ribu tahun dahulu itu tiada juga bernahu dan saraf, akan tetapi tiap-tiap suatu kaum atau bangsa di dalam sebuah negeri itu dahulu sudah tentu bercakap-cakap di antara mereka yang ramai itu dengan sesuatu bahasa yang bersusun perkataan-perkataannya lagi memberi faham ramai. Maka susunan bahasa yang demikian sentiasa berturut-turut digunakan sehingga beberapa keturunan pula.

Kemudian daripada itu sesiapa yang sabar pandai dan bijaksana di antara yang ramai di dalam sebuah negeri itu terutama sekali mereka yang di bandar-bandar besar yang sudah maju dan berkemodenan, mengikut keadaan dan kemahuan zaman

itu, bersemuafakat di antara mereka itu yang ramai atau berseorangan sahaja, menulis membuat aturan-aturan atau tertib susunan bahasa bangsanya dengan diperbaiki mana-mana nampaknya salah dan ditambah apa-apa yang kurang, maka hasil daripada perbuatan yang demikian itulah yang dikatakan nahu dalam bahasa Arab dan grammar dalam bahasa Inggeris. Hal ini bolehlah dapat diketahui dari dalam kitab-kitab tawarikh dunia dan yang akhir ada tersebut di dalam pendahuluan sebuah kamus Inggeris keluaran tahun Masihi 1828 yang menerang keturunan bahasa-bahasa yang masyhur di dalam dunia bernama :

## Webster's International Dictionary

Demikianlah permulaan nahu bahasa-bahasa daripada bermacam-macam bangsa di atas muka bumi yang luas ini. Di benua Eropah tumbuh dua bahasa serta nahunya yang masyhur iaitu Latin (Rom Tua) dan Greek Tua (Yunani) dan daripada dua bahasa ini timbul pula beberapa bahasa yang lain-lain. Bagi benua Asia ialah bahasa Sanskrit (bahasa India purbakala) yang daripadanya terbit pula beberapa banyak bahasa-bahasa yang lain dan begitu jugalah bahasa purbakala yang masyhur-masyur dalam zaman Nabi-nabi dan kerajaan-kerajaan besar dan kecil serata alam ini, akan tetapi tiadalah berdaya saya hendak menyebutnya satu persatu di sini kerana ini kelak menjadi seperti menulis suatu hikayat yang amat panjang pula.

Dipendekkan kata, bahawa lama kelamaan dunia bertambah-tambah ramai manusia yang mendudukinya, bangsa-bangsa dan bahasa-bahasa pun bertambah-tambah Macamnya maka oleh sebab-sebab itu bahasa-bahasa Latin, Greek, Sanskrit dan lain-lainnya yang tua dan masyhur itupun menjadi beransur-ansur tawar rasanya langsung meninggalkan namanya sahaja. Bahawasanya inilah rasa saya sebabnya Yang Berhormat Dato' Onn bin Jaafar di Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 28 haribulan Julai yang lepas itu membacanya dengan sekuat-kuatnya kandungan report itu sepertilah mencela dan menghinakan umat Melayu dan

bahasa Melayu dan Yang Berhormat itu tidak sekali-kali suka mutu bahasa Melayu direndahkan yang akhirnya kelak matilah bahasa Melayu seperti bahasa Latin, Greek atau lain-lain bahasa yang telah mati itu juga.

Sekarang balikkah saya kepada kehendak rencana saya ini pula! Bagaimanalah hal bahasa Melayu kita yang tiada bernahu ini? Jikalau diperhatikan peribahasa yang dituturkan oleh orang-orang Melayu kita di Semenanjung ini yang duduk di kampung-kampung jauh dari bandar-bandar dan tiada sedikit di situ, diganggu oleh rekaan-rekaan bahasa moden sekarang dan juga perhatikanlah susunan percakapan di antara orang-orang tua Melayu yang berpengetahuan dan pelajaran, walaupun mereka itu berumah tangga di bandar-bandar besar tetapi belum lagi mereka itu hendak meniru-niru bahasa Melayu zaman “atom”, “moden” dan “merdeka” ini, bolehlah kita dapati bahawa susunan bahasa Melayu mereka itu molek, akan tetapi malangnya belum siapa di antara orang-orang Melayu yang berusaha hendak menghimpunkan tertib susunan bahasa Melayu tua itu dan betulkan lagi mana-mana yang mustahak supaya molek dan tetap pengertiannya dan setelah itu dengan semuafakat ramai pandeta-pandeta bahasa Melayu Semenanjung ini jadikanlah nahu Melayu yang dengan pengakuan serta kehendak penguasa-penguasa pejabat Pelajaran Se-Malaya supaya digunakan nahu Melayu itu di sekolah-sekolah Melayu.

Di dalam penyelidikan saya telah bertemu saya sebuah dua kitab nahu Melayu yang telah disusun dan dikarang oleh seorang berdua orang Melayu yang bersifat ahli-ahli bahasa Melayu, tetapi oleh kerana tidak disahkan di dalam suatu mesyuarat khas pendeta-pendeta bahasa Melayu dan tidak disokongi atau dibantu oleh penguasa-penguasa pejabat pelajaran kerajaan maka kitab-kitab nahu Melayu yang tersebut cuma menjadi buku-buku rekaan sahaja dan nampak dengan seterang-terangnya bahawa lebih laku lagilah buku-buku hikayat rekaan dan majalah-majalah yang mengandungi cerita-cerita asyik

dan masyuk yang pendek-pendek ini, pada halnya setengah daripada cerita-cerita rekaan itu karut sahaja tiada apa gunanya yang bermanfaat melainkan merosakkan akhlak dan... dan...

Saya masih teringat lagi bahawa tiada berapa tahun sebelum berlaku peperangan besar dunia yang kedua ini, telah melawat ke Malaya seorang Indonesia (namanya tidaklah suka saya menyebutkan di sini). Kedatangan orang itu kerana hendak memerhati dan menyiasat jalan pelajaran dan persekolahan bahasa Melayu di Malaya. Pada suatu hari tuan pelawat itu berkata di hadapan saya dan beberapa orang-orang lain yang berpelajaran di suatu tempat perjumpaan:-

“Apa gunanya diperlukan orang-orang Melayu bertutur atau menulis bahasa Melayu menurut jalan nahu dan saraf yang menyusahkan intelek? Pungut sahaja mana-mana perkataan apa bangsa pun buat menutup kekurangan bahasa kita di waktu bertutur atau menulis, asalkan bisa buat faham orang sudahlah. Pendek kata, umat Indonesia kini mahu progresif goncangan melonjak seperti bola dibenam sejak berhentinya perang besar dahulu itu. Nahu dan saraf itu tidak perlu cuma menghilangkan buat maju nasional kita!”

Sesungguhnya saya dan sahabat-sahabat saya yang mendengar itupun cukup apa yang dicakapkan oleh pelawat kita itu dan saya merasa benar juga katanya tentang memungut perkataan bahasa dagang itu, kerana tiada boleh kaya dan luas bahasa sesuatu bangsa itu dengan ketiadaan memakai perkataan-perkataan bahasa dagang jika sekiranya tiada yang demikian perkataan dalam bahasanya sendiri, akan tetapi tiap-tiap sepatah perkataan dagang yang disuntingkan pada bahasa kita itu hendaklah diketahui betul-betul ertinya, tentang mana dan bagaimana susunannya atau tertib memakainya itu siap sempurna pengertiannya jangan sampai jadi seperti menggesek rebab

bertali sumbang – seruni ditiup berbunyi gambang – bunga  
disunting menjadi kumbang – kura-kura merayap dikatakan terbang.

Dif kami itu itulah menunjukkan yang ianya  
berpengetahuan banyak bahasa. Pada masa ini saya berdiam  
diri sahaja dan tiada suka hendak memahasnya kerana ia  
seorang dif kita dan patut kita meraikan dia dengan  
segala kehormatan, tambahan lagi tempat itu hanya tempat  
berjumpa dan berkenal-kenalan bukan bagi berbahas.

Di bawah ini adalah saya terangkan pengertian perkataan-perkataan  
dif kita itu dan sebagaimana yang patut memakainya :-

1. “Perlu” sememang semua orang tahu iaitu  
perkataan Arab “fardhu” yang boleh dipermelayukan  
“dimestikan”.
2. “Intelek” iaitu perkataan Inggeris  
INTELLECT ertinya kuasa untuk atau akal  
fikiran.
3. “Bisa” ertinya boleh, tetapi pada bahasa  
kita Melayu di Semenanjung Riau dan Daik, ertinya  
sakit.
4. “Progresif” itu perkataan Inggeris  
PROGRESSIVE iaitu sifat atau keadaan  
yang bergerak maju. Bukan fiil atau perbuatan  
Progress PROGRESS ertinya maju tetapi  
dipakaikannya dengan bertukar tempat – sifat dipakaikan  
Pada tempat fiil – beginilah rupa penerangan membuang  
faedah nahu itu!
5. “Gancangan” perkataan Jawa. Ertinya cepat  
dan kuat seperti kita Melayu kata angin  
bertiup kencang.

Di sini saya terangkan bahawasanya tidak sekali-kali  
saya mengaku diri saya pandai atau  
merendahkan mutu pengetahuan saudara kita  
dari Indonesia itu kerana sememanglah

salah dan khilaf itu sifat kemanusiaan dan benar serta  
mengampuni itu sifat pertuhanan (Allah).


Bersambung

---

## DILARANG MENGADAP

Hakim berkata kepada seorang pencuri: Aku telah  
katakan kepada engkau, engkau jangan datang kepadaku lagi.

Pencuri menjawab: Benar tuan hakim, pesanan tuan  
itu saya telah sampaikan kepada penulis tetapi  
tak diindahkan dan ia yang membawa saya ke mari.



*Apa macam! Gambar ini menunjukkan kaum ibu Amerika yang telah berkemajuan  
itu main gusti. Ini satu “kemajuan”. Kita sudah ada pasukan hoki  
perempuan sudah ada ahli badminton perempuan – sekarang mari kita adakan  
lagi gusti perempuan supaya kemajuan kita mendapat lebih kemajuan.*